

MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PERSEFAHAMAN ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG DAN TELEKOM MALAYSIA



## UMP, TM meterai persefahaman laksana Metro-E hubung dua kampus



Dalam usaha membangunkan kemudahan akses internet jalur lebar Universiti Malaysia Pahang (UMP) mencatat sejarah apabila memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Telekom Malaysia (TM) yang akan membekalkan perkhidmatan Metro-Ethernet (Metro-E) dan penyambungan tanpa wayar TM Wi-Fi untuk kedua-dua kampus di Gambang dan Pekan pada 11 Februari 2011 yang lalu di Dewan Bankuet, Canseleri UMP.

Dijangka lebih 6,000 pelajar akan menikmati kemudahan mengakses internet 24 jam sehari, tujuh hari seminggu dan menikmati pengalaman internet yang lebih laju semasa di kampus bagi meningkatkan persekitaran pembelajaran dan pengajaran untuk para pelajar serta staf akademik.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing Nasir, kerjasama ini membolehkan pelajar dan penyelidik mendapatkan akses atas talian (*online*) bagi memperoleh artikel, buku elektronik, jurnal dan pangkalan data elektronik yang terdapat di alam siber.

"Walaupun jarak kampus Pekan berada 60

kilometer jauhnya dari Gambang, kemudahan perkhidmatan ini membolehkan warganya berhubung menggunakan satu talian dan seolah-olah berada di dalam satu kampus.

"Malahan, ianya juga dapat menjimatkan belanja kos logistik, masa dan meningkatkan kecekapan berkomunikasi.

"Kerjasama dengan pihak TM ini mampu menjayakan usaha kerajaan dalam memastikan penggunaan ICT ini dapat meningkatkan kecekapan dalam memberikan perkhidmatan berkualiti kepada pelanggan di Malaysia," katanya.

Majlis menandatangani perjanjian persefahaman ini menyaksikan UMP diwakili Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd. Yunus.

Manakala, pihak TM diwakili Naib Presiden Eksekutif (Sektor Kerajaan), Dato' Kairul Annuar Mohamed Zamzam dan Naib Presiden Jualan, Sektor Kerajaan, Hamdan Ismail.

Sementara itu, Dato' Kairul Annuar

dalam ucapannya berkata, di bawah projek Kampus Digital ini, TM akan menghubungkan kampus UMP di Gambang dengan kampus UMP di Pekan menerusi sebuah rangkaian perhubungan gentian berkelajuan tinggi.

"Dengan pembekalan TM Metro.e 40Mbps dan TM Wi-Fi ini, UMP telah menjadi universiti pertama di Pantai Timur Malaysia yang memegang status "Kampus Digital," katanya.

Pada majlis yang sama, beliau turut menyampaikan sumbangan sebanyak RM10,000 untuk Tabung Kebajikan 1Malaysia bagi membantu pelajar UMP yang kurang berkemampuan dari segi kewangan dalam meneruskan pengajian.

Hadir sama Pengurus Besar TM Negeri Pahang, Md. Rasidin Kadak, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwat Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserri Zainuddin, Pendaftar, Tuan Haji Mustafa Ibrahim, Pemangku Pengarah Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi, Roslan Awang Abdul Rahman dan Presiden Kelab 1Malaysia UMP, Abang Fairul Syarmil Abang Mohammad.